

AUDIT PENSIJILAN SEMULA QE/5S **OLEH PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)**

Ibu Pejabat JUPEM sekali lagi telah berjaya mengekalkan pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S) buat kali ke-9. Audit Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S) telah dilaksanakan oleh juruaudit dari Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) iaitu Encik Semawi Zakaria pada 21 Ogos 2019 di semua zon QE/5S. Hasil auditan tersebut, pihak MPC bersetuju untuk mengesyorkan pembaharuan Sijil QE/5S bagi tahun 2019/2020.

Syabas dan ucapan terima kasih diucapkan kepada pihak Pengurusan Tertinggi, barisan Urus Setia Induk QE, semua Ahli Jawatankuasa Induk QE serta semua pegawai dan kakitangan Ibu Pejabat JUPEM. Semoga pensijilan ini dapat dikekalkan di masa akan datang dan membuka ruang kepada seluruh warga Ibu Pejabat JUPEM untuk terus mengamalkan amalan persekitaran yang berkualiti.



